

**SOALAN NO: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]  
TARIKH : -  
SOALAN : 2**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan pembinaan Hospital Bersalin yang sudah pun dipohon pelbagai pihak sejak 17 tahun lalu di kawasan Bandar Baharu bagi mengatasi kesukaran penduduk setempat yang terpaksa mendapatkan rawatan di hospital yang terletak lebih 30 kilometer dari Pekan Bandar Baharu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman YB, tiada keperluan untuk hospital bersalin tetapi KKM telah merancang untuk menyediakan satu Pusat Bersalin Risiko Rendah.

Permohonan projek Pusat Bersalin Risiko Rendah ini telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah Rolling 4 Rancangan Malaysia Kesebelas (tahun 2019).